
2. BAYARAN DAN TERIMAAN HASIL PERKONGSIAN PINTAR (*SMART PARTNERSHIP*)

**Perbadanan Stadium Malaysia
Kementerian Belia Dan Sukan**

1. LATAR BELAKANG

1.1. Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) adalah sebuah agensi yang ditubuhkan di bawah Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) pada 1 Mac 2011 melalui Akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010 (Akta 717). PSM juga mengguna pakai peraturan dan pekeliling Kerajaan yang berkuat kuasa. Fungsi utama PSM adalah sebagai pengurus dan pentadbir Kompleks Sukan Negara di bawah jagaannya. PSM boleh atas apa-apa terma yang disifatkannya patut:

- a. Membuat kontrak;
- b. Memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan
- c. Memindahhakkan, menyerahhakkan, memulangkan, menggadai, menggadai janji, mendemis, memajakkan, menyerah hak semula, memindahkan atau selainnya melupuskan, atau memperlakukan mana-mana harta alih atau apa-apa kepentingan yang terletak hak pada PSM.

1.2. Unit Pembangunan Perniagaan (UPP), PSM bertanggungjawab untuk merancang dan menyelia aktiviti penjanaan pendapatan kepada PSM. Sebanyak 21 aktiviti penjanaan telah dijalankan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019. Sehingga tahun 2019, 10 aktiviti telah dilaksanakan secara Perkongsian Pintar (*Smart Partnership*). *Smart Partnership* ini mengabungkan elemen berkaitan jenis, jumlah dan balasan penjanaan yang dijangka akan diperoleh dalam tempoh kontrak sama ada dalam bentuk tunai, *in-kind* atau perkhidmatan penyenggaraan.

1.3. *Smart Partnership* adalah satu kontrak yang telah dibuat dengan persetujuan antara dua pihak iaitu PSM dan syarikat panel yang telah dilantik oleh PSM. Kerjasama ini diwujudkan sejak acara Sukan SEA 2017 untuk membekalkan perkhidmatan yang telah disediakan di dalam stadium.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan balasan daripada *Smart Partnership* yang ditandatangani telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

3. SKOP DAN METODOLOGI AUDIT

3.1. Pengauditan ditumpukan kepada *Smart Partnership* yang masih berkuat kuasa sehingga bulan Ogos 2020 melibatkan lima (5) *Smart Partnership* susulan daripada perolehan pembekalan di bawah Projek Pembangunan Semula Kemudahan Sedia Ada Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Skop meliputi proses pelantikan *Smart Partnership*, pentadbiran kontrak dan prosedur pembayaran. Pengauditan dijalankan di Bahagian Kewangan dan Bahagian Komersial PSM.

3.2. Sampel Audit meliputi baucar bayaran dan resit terimaan bagi tempoh bulan Januari 2019 hingga Ogos 2020 atas lima (5) *Smart Partnership* yang telah disemak. Butiran terperinci sampel lima (5) *Smart Partnership* di PSM yang berkuat kuasa sehingga 31 Ogos 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.1**.

JADUAL 2.1
SENARAI SMART PARTNERSHIP

BIL.	PANEL PERKHIDMATAN	TEMPOH	JENIS DOKUMEN
1.	Perkhidmatan sistem papan markah	01.08.2017 hingga 31.07.2027 (10 tahun)	Kontrak Perkongsian Pintar (PSM/UP/T/K/7/2017)
2.	Perkhidmatan sistem bunyi	01.08.2017 hingga 31.07.2027 (10 tahun)	Kontrak Perkongsian Pintar (PSM/UP/T/K/3/2017)
3.	Perkhidmatan sistem pengawasan	01.07.2017 hingga 31.06.2027 (10 tahun)	Kontrak Perkongsian Pintar (PSM/UP/T/K/4/2017)
4.	Perkhidmatan sistem tiket	15.03.2017 hingga 14.03.2027 (3+3+4 tahun)	Surat Tawaran Kontrak (PSM001/64/ Jld. 3 (67))
5.	Perkhidmatan katering	13.04.2018 hingga 12.04.2023 (3+2 tahun)	Surat Tawaran Kontrak (PSM001/259/ Jld.10 (17))

Sumber: Kontrak dan Surat Tawaran Kontrak PSM

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan *Smart Partnership*. Pemeriksaan fizikal serta temu bual dengan pegawai dan pembekal yang berkaitan turut dilaksanakan untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh semasa proses pengauditan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada 3 hingga 11 September 2020. Maklum balas daripada PSM telah diterima pada 21 Oktober 2020. Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) diadakan pada 27 Oktober 2020. Penemuan Audit adalah seperti dinyatakan di perenggan 4.1 dan 4.2.

4.1. Bayaran Perkhidmatan Tanpa Kontrak

4.1.1. Perkhidmatan Sistem Tiket Di Kuala Lumpur Sports City Bukit Jalil

Surat tawaran mengenai kontrak pembangunan semula kemudahan Sistem Tiket di Kuala Lumpur Sports City (KLSC) Bukit Jalil, Kuala Lumpur telah ditandatangani pada 25 Mac 2017 antara PSM dan syarikat yang menerima tawaran kerja-kerja perkhidmatan sistem tiket tersebut. Butiran surat tawaran adalah seperti dalam **Jadual 2.2**.

JADUAL 2.2
MAKLUMAT SURAT TAWARAN PERKHIDMATAN SISTEM TIKET

ITEM	PENERANGAN
Panel Perkhidmatan	Perkhidmatan Sistem Tiket
Jenis Dokumen	Surat Tawaran Kontrak
Nombor Dokumen	PSM001/64/ Jld. 3 (67)
Tempoh Kontrak	15.03.2017 hingga 14.03.2027 (3+3+4 tahun)
Kontrak Perkongsian Pintar	Penyediaan keperluan tiket secara eksklusif dan penyediaan infrastruktur bagi semua acara di PSM

Sumber: Surat Tawaran

a. Tiada Dokumen Kontrak Ditandatangani Antara PSM Dengan Syarikat

- i. Perkara 4 kepada surat tawaran menyatakan syarikat perlu menyediakan suatu ikatan kontrak termasuk duti setem antara PSM dan syarikat dengan memasukkan semua terma dan tanggungjawab kedua-dua pihak agar kepentingan kedua-dua pihak terpelihara. Syarikat perlu menyediakan kontrak dalam tempoh 45 hari selepas surat tawaran dikeluarkan.
- ii. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan pada 11 September 2020, **dokumen kontrak antara PSM dan syarikat**

bagi tempoh 15 Mac 2017 hingga 14 Mac 2027 masih belum dimeterai.

- iii. Pengurusan kontrak PSM yang lemah menyebabkan tiada pemantauan dibuat ke atas surat tawaran yang telah dikeluarkan.

Maklum balas PSM yang diterima pada 21 Oktober 2020

PSM memaklumkan tiada sebarang dokumen kontrak yang ditandatangani antara PSM dan syarikat. Mesyuarat Anggota Perbadanan PSM Bil. 1/2020 bertarikh 25 Februari 2020 telah bersetuju untuk menamatkan pelantikan syarikat termasuk menamatkan surat setuju terima yang belum dibatalkan. Bagaimanapun, pada tarikh 21 Ogos 2019, syarikat telah menyaman PSM dan memohon satu deklarasi daripada mahkamah bahawa satu ikatan persetujuan terbentuk di antara PSM dan syarikat melalui perlakuan (*conduct*) PSM. Dalam pemfailan kes mahkamah itu, syarikat telah mendedahkan bahawa kontrak masih di dalam keadaan draf dan belum ditandatangani.

Pernyataan Audit	Ketiadaan kontrak yang menjelaskan spesifikasi dan skop kerja terperinci menyebabkan kepentingan PSM tidak terjamin.
-------------------------	---

b. Bayaran Penalti Sejumlah RM1.38 Juta Telah Dibayar Kepada Syarikat Walaupun Tiada Dokumen Kontrak Ditandatangani

- i. Semakan Audit mendapati **17 baucar bayaran telah dibayar dalam tahun 2020 kepada syarikat yang berjumlah RM1.38 juta walaupun dokumen kontrak tidak wujud.** Bayaran ini dituntut oleh syarikat sebagai bayaran penalti kerana syarikat beranggapan PSM telah melanggar kontrak dengan tidak menggunakan perkhidmatan penyediaan sistem tiket untuk acara yang berlangsung di PSM. Bagaimanapun, **pihak Audit mendapati tiada klausa atau syarat dalam surat tawaran yang menghendaki bayaran ini dibuat serta pengiraan bayaran yang dituntut.** Butiran pembayaran adalah seperti dalam **Jadual 2.3.**

JADUAL 2.3
BAYARAN KEPADA SYARIKAT BAGI TAHUN 2020
TANPA SYARAT DALAM SURAT TAWARAN/TANPA KONTRAK

BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	PERIHAL	AMAUN* (RM)
1.	PV-202001 - 000089	16.01.2020	Penjualan tiket padang letak kereta bagi Konsert ED Sheeran pada 13.04.2019	12,033
2.	PV-202004 - 000097	21.04.2020	<i>Ticket Fee</i> - Kelayakan Bolasepak FIFA World Cup 2022 (Malaysia vs Indonesia)	119,668
3.	PV-202004 - 000098	21.04.2020	<i>Ticket Fee</i> - AFF Suzuki Cup 2018 (Malaysia vs Myanmar)	216,900
4.	PV-202004 - 000099	21.04.2020	<i>Ticket Fee</i> - Piala FA 2018 (Selangor vs Pahang)	101,502
5.	PV-202004 - 0000100	21.04.2020	<i>Ticket Fee</i> - AFF Suzuki Cup 2018 (Malaysia vs Laos)	55,371
6.	PV-202004 - 0000101	21.04.2020	<i>Ticket Fee</i> - One Championship (<i>Master of Destiny</i>)	2,148
7.	PV-202004 - 0000102	21.04.2020	<i>Ticket Fee</i> - AFF Suzuki Cup 2018 (Malaysia vs Vietnam)	254,508
8.	PV-202004 - 0000103	21.04.2020	<i>Ticket Fee</i> - AFF Suzuki Cup 2018 (Malaysia vs Thailand)	238,689
9.	PV-202004 - 0000104	21.04.2020	<i>Ticket Fee</i> - Twice World Tour 2019	28,149
10.	PV-202004 - 0000105	21.04.2020	<i>Ticket Fee</i> - Kelayakan Bolasepak FIFA World Cup 2020 (Malaysia vs Timor Leste)	25,866
11.	PV-202004 - 0000106	21.04.2020	<i>Ticket Fee</i> - Kelayakan Bolasepak FIFA World Cup 2020 (Malaysia vs UAE)	62,418
12.	PV-202004 - 0000107	21.04.2020	<i>Ticket Fee</i> - Tier 1 International Friendly (Malaysia vs Sri Lanka)	8,649
13.	PV-202004 - 0000108	21.04.2020	<i>Ticket Fee</i> - Tier 1 International Friendly (Malaysia vs Tajikistan)	20,403
14.	PV-202004 - 0000109	21.04.2020	<i>Ticket Fee</i> - Piala Malaysia 2019 (Kedah vs Johor)	137,061
15.	PV-202004 - 0000110	21.04.2020	<i>Ticket Fee</i> - Tier 1 International Friendly (Malaysia vs Jordan)	22,996
16.	PV-202005 - 000075	20.05.2020	<i>Ticket Fee</i> - Kelayakan Bolasepak FIFA World Cup 2022 (Malaysia vs Thailand)	64,381
17.	PV-202006 - 000025	03.06.2020	<i>Ticket Fee</i> bagi Acara <i>Winner Cross Tour in Kuala Lumpur</i>	11,160
JUMLAH				1,381,902

Sumber: Baucar Bayaran

Nota : *Invois pada Baucar Bayaran = Kadar Harga Tiket x Bilangan Tiket yang Terjual

- ii. Bayaran penalti dibuat kerana syarikat membuat tuntutan sejumlah RM2.01 juta berdasarkan *letter of demand* bertarikh 28 November 2019. Sehingga tarikh 3 Jun 2020, PSM hanya membuat bayaran sejumlah RM1.38 juta bagi tujuan untuk menyelesaikan tuntutan surat guaman.

Maklum balas PSM yang diterima pada 21 Oktober 2020

Tiada kontrak formal ditandatangani oleh kedua-dua pihak. PSM tidak membatalkan surat setuju terima itu selepas tamat tempoh 45 hari. PSM telah melantik syarikat sebagai agen tiket bagi acara-acara di tempat PSM dari tarikh tamat tempoh surat setuju terima. Mesyuarat Anggota Perbadanan PSM Bil. 1/2020 bertarikh 25 Februari 2020 telah meluluskan pembayaran berjumlah RM2.01 juta. Bagaimanapun, PSM hanya membuat pembayaran berjumlah RM1.38 juta kepada syarikat. Syarikat telah menyaman PSM dan memohon satu deklarasi daripada mahkamah bahawa satu ikatan persetujuan terbentuk di antara PSM dan syarikat melalui *conduct* PSM. Dalam pemfailan kes mahkamah itu, syarikat telah mendedahkan bahawa kontrak masih di dalam keadaan draf dan belum ditandatangani. Ini menyebabkan PSM menghentikan baki tuntutan oleh syarikat sehingga mendapat keputusan mahkamah. Mahkamah telah menetapkan 26 November 2020 sebagai tarikh pendengaran saman pemula.

Pernyataan Audit	Ketiadaan kontrak menyebabkan klausa penalti terhadap PSM tidak dapat disahkan. Tindakan PSM membayar penalti tanpa syarat dalam surat tawaran, klausa dalam kontrak dan kadar penalti adalah satu pembayaran yang tidak teratur.
-------------------------	--

4.1.2. Perkhidmatan Katering Di Kuala Lumpur Sports City Bukit Jalil

Surat tawaran kontrak pelantikan panel katerer syarikat di Kuala Lumpur Sports City (KLSC) telah dikeluarkan oleh PSM pada 13 April 2018 dan diakui terima oleh syarikat tanpa tarikh. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.4**.

JADUAL 2.4
MAKLUMAT SURAT TAWARAN PERKHIDMATAN KATERING

ITEM	PENERANGAN
Panel Perkhidmatan	Perkhidmatan Katering
Jenis Dokumen	Surat Tawaran Kontrak
Nombor Dokumen	PSM001/259/ Jld.10 (17)
Tarikh Dokumen	13.04.2018
Tempoh Kontrak	13.04.2018 hingga 12.04.2023 (3+2 tahun)
Kontrak Perkongsian Pintar	Penyediaan perkhidmatan katering untuk semua acara yang berlangsung di KLSC
Kadar Perkongsian Pintar	10.0% komisen kepada PSM daripada semua invoice setiap acara

Sumber: Surat Tawaran

- a. **Dokumen Kontrak Perkhidmatan Katering Ditandatangani Tidak Disetem Dan Dimatikan, Tidak Ditarikhkan Serta Tidak Lengkap**
- i. Akta Setem 1949 menyatakan duti setem perlu dikenakan ke atas surat cara jenis undang-undang, komersial dan urusan kewangan. Ini bertujuan memberi perlindungan kepada pihak yang menandatangani kontrak kerana dokumen itu akan digunakan sebagai bahan bukti di mahkamah sekiranya berlaku sebarang pertikaian. Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 menyatakan mengenai pelaksanaan tatacara kaedah perolehan Kerajaan bagi memastikan perolehan Kerajaan diuruskan dengan baik.
 - ii. Semakan Audit mendapati sesalinan kontrak ada disertakan dalam baucar bayaran. Melalui temu bual dengan PSM, **kewujudan kontrak ini tidak diketahui oleh Bahagian Komersial dan Penasihat Undang-undang PSM**. Klausu dalam kontrak ini didapati terlalu umum dan tidak mempunyai tempoh kontrak, tiada tarikh kuat kuasa dan jadual kepada kontrak tidak lengkap. **Kontrak ini telah ditandatangani tanpa tarikh oleh PSM dan syarikat serta tidak disetemkan dan dimatikan**. Ini menyebabkan klausu kontrak tersebut tidak boleh dikuatkuasakan.
 - iii. Pengurusan kontrak PSM yang lemah menyebabkan kontrak yang ditandatangani tidak mematuhi ciri-ciri asas penyediaan kontrak dan tidak menjaga kepentingan PSM.

Maklum balas PSM yang diterima pada 27 Oktober 2020

PSM memaklumkan bahawa perbincangan telah diadakan bersama pihak syarikat pada 28 Julai 2020 dan memaklumkan bahawa terdapat kontrak telah ditandatangani. Bagaimanapun, pihak syarikat tidak menerima tawaran kontrak ini kerana kontrak tidak memberikan hak eksklusif katering kepada syarikat di KLSC.

Pernyataan Audit	Dokumen kontrak yang tidak lengkap dan tidak disetem dan dimatikan menyebabkan PSM tidak dapat menguatkuasakan klausu kontrak dengan sewajarnya.
-------------------------	---

b. Komisen Pada Kadar 10.0% Atas Invois Perkhidmatan Katering Bagi Setiap Acara, Namun Komisen Berjumlah RM78,727 Tidak Dipungut

- i. Perkara 4(ii) kepada surat tawaran kontrak menghendaki syarikat membayar 10.0% komisen daripada semua invois setiap acara kepada PSM.
- ii. Semakan Audit mendapati PSM ada mengeluarkan invois tuntutan pada 31 Disember 2018 kepada syarikat bagi bayaran komisen 10.0% atas perkhidmatan katering untuk tahun 2018 berjumlah RM167,254. Bagaimanapun **sehingga 11 September 2020, sejumblah RM78,727 masih belum dijelaskan oleh syarikat.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.5.**

**JADUAL 2.5
TUNTUTAN DAN BAYARAN KOMISEN**

BIL.	NO. INVOIS/ TARIKH	TUNTUTAN KOMISEN 10.0%		BAYARAN	
		BULAN (2018)	AMAUN (RM)	TARIKH	AMAUN (RM)
1.	BJ-2018120178/ 31.12.2018	Januari	13,178	17.09.2019	13,969
2.		Februari	17,556	03.10.2019	10,553
3.		Mac	4,385	15.10.2019	529
4.		April	17,208	14.11.2019	13,888
5.		Mei	3,763	14.04.2020	25,742
6.		Jun	10,553	01.07.2020	23,846
7.		Julai	38,179	-	-
8.		Ogos	13,888	-	-
9.		September	15,180	-	-
10.		Oktober	3,314	-	-
11.		November	19,488	-	-
12.		Disember	10,562	-	-
JUMLAH		167,254			88,527

Sumber: Invois dan Resit Terimaan

- iii. Perkara ini berlaku kerana pegawai gagal menguatkuasakan klausma berkaitan kutipan komisen seperti dalam surat tawaran.

Maklum balas PSM yang diterima pada 21 Oktober 2020

PSM memaklumkan perkara ini masih dalam proses rundingan di antara kedua-dua pihak untuk menyelesaikan baki yang tertunggak.

Pernyataan Audit	Komisen yang tidak dapat dikutip mengakibatkan PSM mengalami kehilangan hasil.
-------------------------	---

c. Tiada Kutipan Sewa Ruang Dapur Sejumlah RM286,002 Dan Pengubahsuaian Ruang Dapur Dibuat Tanpa Kelulusan

- i. PSM telah mengeluarkan Surat Tawaran Penyewaan Ruang Dapur kepada syarikat bernombor rujukan PSM002/1 Jld.3(87) bertarikh 10 Oktober 2018 dengan kadar sewaan bulanan RM6,750 bagi keluasan 2,250 kaki persegi. Butiran deposit dan sewaan yang tertakluk di dalam surat tawaran adalah seperti dalam **Jadual 2.6**.

**JADUAL 2.6
SURAT TAWARAN PENYEWAAN RUANG DAPUR DI AXIATA ARENA**

ITEM	PENERANGAN
Tempoh Sewaan	3 + 2 tahun Tempoh pertama: 15.04.2018 hingga 14.04.2021 Tempoh Kedua: 15.04.2021 hingga 14.04.2023 Tarikh Penyerahan: 15.04.2018
Sewaan Bulanan	RM6,750 (tahun pertama) Kenaikan 10.0% bagi tahun ke 2 hingga tahun ke 5
Keluasan	2,250 kaki persegi
Caj Utiliti	Berdasarkan bacaan meter setelah sub meter dipasang (meter dipasang oleh penyewa)
Bayaran Guaman	RM1,687
Bayaran Mematikan Setem	RM955
Deposit Sekuriti 3 Bulan	RM20,250
Deposit Utiliti	RM6,750
Deposit Serahan Semula Pejabat	RM6,750

Sumber: Surat Tawaran Penyewaan Ruang Dapur

- ii. Semakan Audit mendapati syarikat **tidak menandatangani surat tawaran sebagai persetujuan penerimaan tawaran**. Sehingga bulan Ogos 2020, **syarikat tidak membayar sebarang deposit dan sewaan kepada PSM ke atas ruangan yang digunakan**. Tiada bukti kelulusan pengubahsuaian ruang dapur diperoleh daripada PSM. Berdasarkan pengubahsuaian ruang dapur bangunan Axiata Arena untuk penyediaan perkhidmatan katering yang dilaksanakan, syarikat wajar membuat bayaran sewaan dan deposit sewaan yang ditetapkan dalam surat tawaran. Pengiraan Audit terhadap bayaran yang perlu dijelaskan adalah seperti dalam **Jadual 2.7**.

**JADUAL 2.7
PENGIRAAN AUDIT TERHADAP
BAYARAN YANG PERLU DIJELASKAN**

BIL.	PERIHAL BAYARAN	AMAUN (RM)
1.	Deposit Sekuriti tiga (3) Bulan @ RM6,750	20,250
2.	Deposit Utiliti	6,750
3.	Deposit Serahan Semula Pejabat	6,750
JUMLAH DEPOSIT		33,750
4.	Sewa bulanan (15.10.2018 hingga 14.08.2020) (22 bulan @ RM6,750)	148,500
JUMLAH SEPATUT DIJELASKAN		182,250

Sumber: Surat Tawaran Penyewaan Ruang Dapur

- iii. Pihak Audit mendapati **bayaran deposit berjumlah RM33,750 dan hasil sewaan berjumlah RM148,500 tidak dikutip daripada syarikat**. Ini menyebabkan PSM mengalami kerugian sejumlah RM182,250. Lawatan pihak Audit ke premis berkaitan pada 14 September 2020 mendapati beberapa kesalahan telah dibuat oleh pihak syarikat seperti pengubahsuaian ruang dapur tanpa kelulusan PSM dan penggunaan keluasan ruang dapur melebihi ruang yang dibenarkan oleh PSM. Butiran lanjut seperti **Gambar 2.1 dan 2.2**.

GAMBAR 2.1

Ruang Dapur Makanan Axiata Arena
- Pengubahsuaihan Pada Ruang Dapur
Tanpa Kelulusan
(14.09.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2.2

Ruang Stor Bersebelahan Ruang Dapur
- Ruang Sewaan Melebihi
Surat Tawaran Penyewaan
(14.09.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iv. Pelan lantai ruang dapur yang digunakan oleh syarikat meliputi ruang dapur dengan keluasan 2,250 kaki persegi dan dua (2) ruang stor penyimpanan barang-barang katering dengan keluasan 1,572 kaki persegi. Jumlah keluasan ruang yang diguna pakai **adalah 3,822 kaki persegi**. Surat tawaran penyewaan oleh PSM menyatakan 2,250 kaki persegi sebagai keluasan ruang dapur yang dibenarkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati syarikat telah menggunakan keluasan lebih daripada surat tawaran PSM. Berdasarkan pengiraan Audit, **kadar penyewaan atau tambahan sewa yang sepatutnya dikenakan menggunakan kadar yang sedia ada adalah RM4,716 sebulan atau RM103,752 untuk tempoh 22 bulan dari 15 Oktober 2018 sehingga 14 Ogos 2020**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.8**.

JADUAL 2.8
PENGIRAAN AUDIT BAGI KADAR SEWA
TAMBAHAN YANG SEPATUTNYA DIKENAKAN

PERKARA	KELUASAN (KAKI PERSEGI)	KADAR/KAKI PERSEGI (RM)	AMAUN (RM)
Pelan Lantai	3,822	3	11,466
Surat Tawaran	2,250	3	6,750
PERBEZAAN	1,572	-	4,716

Sumber: Pelan Lantai Ruang Dapur

- v. Perkara ini berlaku kerana PSM membenarkan syarikat beroperasi sebelum menandatangani penerimaan surat tawaran dan membuat bayaran deposit sewa yang ditetapkan.

Maklum balas PSM yang diterima pada 21 Oktober 2020

Semua keputusan perbincangan dan punca kuasa berkaitan perkara ini tidak didokumenkan dan disimpan dengan lengkap. Oleh kerana tiada bukti persetujuan antara kedua belah pihak, PSM tidak mempunyai punca kuasa untuk mengutip deposit dan sewaan daripada syarikat atas penggunaan ruang sewaan tersebut. Namun begitu, pada Julai dan Ogos 2020 PSM telah membuat perbincangan dengan syarikat untuk menyelesaikan semua perkara berkaitan pelantikan sebagai katerer dan penggunaan ruang sewaan tersebut.

Pernyataan Audit | **Hasil sewa yang tidak dikutip menyebabkan kerugian di pihak PSM.**

4.2. Perkhidmatan Sistem Bunyi Di Kuala Lumpur Sports City Bukit Jalil

Kontrak perkhidmatan sistem bunyi di Kuala Lumpur Sports City (KLSC) Bukit Jalil, Kuala Lumpur telah ditandatangani pada 1 Ogos 2017 antara PSM dan syarikat yang menerima tawaran kerja-kerja perkhidmatan sistem bunyi tersebut. Butiran kontrak adalah seperti dalam **Jadual 2.9**.

JADUAL 2.9
MAKLUMAT KONTRAK PERKHIDMATAN SISTEM BUNYI

ITEM	PENERANGAN
Panel Perkhidmatan	Perkhidmatan Sistem Bunyi
Jenis Dokumen	Kontrak Perkongsian Pintar
Nombor Dokumen	PSM/UP/T/K/3/2017
Tempoh Kontrak	01.08.2017 hingga 31.07.2027 (10 tahun)
Maklumat Kontrak	<ul style="list-style-type: none">Syarikat akan mengurus dan mengendalikan sistem audio visual melalui penggunaan peralatan sewaan untuk acara yang berlangsung di PSM.Syarikat bertanggungjawab mengurus, berhubung, menyediakan sebut harga dan mengeluarkan invois serta mengutip bayaran daripada pihak terlibat untuk peralatan sewaan.
Keuntungan Perkongsian/Penajaan	<p>PSM</p> <ul style="list-style-type: none">Bayaran secara tunai RM1.0 juta (RM200,000 setahun akan dibayar selama lima (5) tahun).Pembekalan Barang - Peralatan sistem audio bernilai RM300,000.Penajaan Penyenggaraan Komprehensif bernilai RM4.59 juta untuk barang yang dibekalkan oleh syarikat selama lapan (8) tahun selepas tamat tempoh liabiliti kecacatan. <p>Syarikat</p> <ul style="list-style-type: none">Sennheiser akan dinamakan sebagai sistem audio rasmi KLSC secara eksklusif.Syarikat akan dibenarkan untuk menggunakan salah satu lokasi di PSM maksimum dua (2) hari setahun bagi tujuan promosi barang dengan kebenaran bertulis daripada PSM.

Sumber: Kontrak Perkhidmatan Sistem Bunyi

4.2.1. Penajaan Tunai Sejumlah RM450,000 Belum Diterima Dan Penalti Lewat Bayar Sejumlah RM6,750 Tidak Dikenakan

- a. Perenggan 4.1 (a) kontrak *Smart Partnership* di antara syarikat dan PSM menyatakan syarikat perlu membayar penajaan tunai kepada PSM sejumlah RM200,000 setahun bagi tempoh lima (5) tahun. Jadual pembayaran bagi penajaan tunai berjumlah RM1.0 juta ini dinyatakan dalam Jadual Kedua kontrak (penajaan tunai). Perenggan 4.4 kontrak pula menyatakan sekiranya PSM tidak menerima bayaran penajaan tunai daripada syarikat dalam tempoh bayaran seperti di Jadual Kedua kontrak, PSM boleh mengenakan penalti lewat bayar dengan kadar 1.5% ke atas nilai penajaan setahun. Butiran Jadual Kedua seperti dalam **Jadual 2.10**.

**JADUAL 2.10
JADUAL KEDUA KONTRAK (PENAJAAN TUNAI)**

TAHUN	JUMLAH PENAJAAN (RM)	TARIKH AKHIR BAYARAN
Tahun Pertama (2017)	200,000	Dalam tempoh 30 hari daripada kontrak perolehan
Tahun Kedua (2018)	200,000	1 Ogos 2018
Tahun Ketiga (2019)	200,000	1 Ogos 2019
Tahun Keempat (2020)	200,000	1 Ogos 2020
Tahun Kelima (2021)	200,000	1 Ogos 2021
JUMLAH	1,000,000	

Sumber: Kontrak Perkhidmatan Sistem Bunyi

- b. Pada 20 Februari 2018, syarikat dan PSM telah bersetuju untuk menjadualkan semula jumlah penajaan daripada bayaran secara tahunan sejumlah RM200,000 kepada RM50,000 setiap suku tahun atau empat (4) kali bayaran dalam setahun. Tempoh bayaran juga dilanjutkan dari tahun 2018 hingga tahun 2022. Semakan Audit sehingga 15 September 2020, iaitu pada suku ketiga tahun 2020 mendapat bayaran yang telah diterima adalah berjumlah RM100,000 daripada jumlah patut terima berjumlah RM550,000. **Baki belum dibayar oleh syarikat berjumlah RM450,000.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.11**.

JADUAL 2.11
BAKI BAYARAN YANG BELUM DITERIMA
SELEPAS PENJADUALAN SEMULA SEHINGGA 15 SEPTEMBER 2020

TAHUN	SUKU TAHUN KE	JUMLAH PENAJAAN PATUT TERIMA (RM)	TARIKH RESIT	JUMLAH DITERIMA (RM)	BAKI BELUM TERIMA TERKUMPUL (RM)
2018	1	50,000	17.04.2018	50,000	-
	2	50,000	05.07.2018	50,000	-
	3	50,000	-	-	50,000
	4	50,000	-	-	100,000
2019	1	50,000	-	-	150,000
	2	50,000	-	-	200,000
	3	50,000	-	-	250,000
	4	50,000	-	-	300,000
2020	1	50,000	-	-	350,000
	2	50,000	-	-	400,000
	3	50,000	-	-	450,000
JUMLAH		550,000		100,000	

Sumber: Surat Kontrak Antara PSM Dan Syarikat

- c. Selain itu, PSM juga tidak mengenakan penalti lewat bayar **pada kadar 1.5% atas nilai penajaan untuk setahun berjumlah RM200,000**. Berdasarkan kiraan Audit, **penalti lewat bayar yang patut dikenakan adalah sejumlah RM3,000 setahun atau RM750 setiap suku tahun**. Ini menjadikan penalti yang patut dikenakan adalah berjumlah RM6,750 bagi dua suku tahun 2018, empat suku tahun 2019 dan tiga suku tahun 2020.
- d. Perkara ini berlaku kerana PSM tidak menguatkuasakan klaus kontrak antara kutipan penajaan tunai dan bayaran penalti lewat secara bertulis kepada pihak syarikat atau mengeluarkan *letter of demand* kepada syarikat.

Maklum balas PSM yang diterima pada 21 Oktober 2020

Merujuk surat syarikat kepada PSM bertarikh 2 Februari 2018, terdapat perubahan pada jadual bayaran asal. Baki yang belum diterima sehingga September 2020 adalah berjumlah RM450,000. Syarikat tidak membuat bayaran kepada PSM kerana pihak syarikat mendakwa PSM telah melanggar kontrak dengan tidak menguatkuasakan

perkhidmatan syarikat kepada penganjur seperti mana kontrak yang telah ditandatangani. Oleh itu, pihak syarikat telah menghentikan sementara bayaran penajaan sehingga keputusan dibuat oleh pengurusan PSM.

Pernyataan Audit	Terimaan penajaan tunai dan penalti lewat bayar yang tidak dikutip menyebabkan kerugian kepada pihak PSM.
-------------------------	--

5. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan tahap pematuhan terhadap pengurusan perolehan, pihak Audit mengesyorkan agar PSM melaksanakan perkara berikut:

- 5.1. Kontrak perlu ditandatangani antara agensi dan pihak syarikat dalam tempoh yang ditetapkan bagi menjamin kepentingan agensi dan syarikat.
- 5.2. Bayaran perlu dilaksanakan atau disempurnakan mengikut ketetapan kontrak, Surat Setuju Terima atau prosedur operasi standard yang ditetapkan.
- 5.3. Perkhidmatan yang dilaksanakan perlu mematuhi ketetapan kontrak bagi memastikan pelaksanaan kontrak dipatuhi sepenuhnya dan tidak berlaku lebihan atau kurangan bayaran.
- 5.4. Mengenakan tindakan terhadap pihak syarikat atau pegawai yang tidak mematuhi kehendak atau arahan agensi seperti yang tertakluk dalam undang-undang, peraturan kewangan dan kontrak.